

ETIMOLOGI KATA PINJAMAN SANSKRIT TERPILIH DALAM BAHASA MELAYU

(ETYMOLOGY OF SELECTED SANSKRIT LOANS WORD IN MALAY)

Mohamad Nor Taufiq Nor Hashim
nortaufiqhashim@gmail.com

Aniswal Abd. Ghani
alnisegh@gmail.com

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
Malaysia

Received: 4th January 2022; Accepted: 20th April 2022; Published: 22nd April 2022

Abstract

This study aims to identify Sanskrit loanwords in the Malay language and discuss the changes from an etymological standpoint. The changes discussed include two salient elements, namely changes in form and meaning after incorporation into the Malay language. Explanations on the existence and use of loanwords in Malay through an analysis of old Malay manuscripts were also featured. The data was obtained from A Malay-English Dictionary by Wilkinson (1901, 1902), focusing on five words – catur, madu, wangsa, sasa and mempalam. This study also utilised principles of etymology devised by Collins (2003), which were adapted to suit the focus of this study. Results showed that the five words were indeed loanwords due to the similarities in form and meaning with their counterparts in Sanskrit. However, the loanwords also have effected changes in form and meaning. Based on the findings, four important elements in etymology need to be discussed, namely form, meaning, history and geography, besides the existence and usage of a word in the Malay language. Studies like this are paramount in refining Malay lexicography, specifically in providing the etymology of Sanskrit loanwords in Malay.

Keywords: *loanword, etymology, Malay-English Dictionary, Sanskrit language, Malay language.*

Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti kata pinjaman Sanskrit dalam bahasa Melayu dan membincangkan perubahan-perubahan yang berlaku bagi sejumlah perkataan tertentu daripada sudut etimologi. Aspek perubahan yang dibincangkan merangkumi dua elemen penting, iaitu perubahan dari segi bentuk dan makna sesebuah perkataan setelah diserap ke dalam bahasa Melayu. Penjelasan berkaitan kewujudan dan penggunaan sesebuah kata pinjaman dalam bahasa Melayu menerusi penelitian terhadap manuskrip Melayu lama turut dibincangkan dalam kajian ini. Data kajian ini diperolehi daripada kamus *A Malay-English Dictionary* yang dihasilkan oleh Wilkinson (1901, 1902). Kajian ini memberi tumpuan kepada sejumlah perkataan terpilih sahaja, iaitu kata catur, madu, wangsa, sasa dan

mempelam. Kajian ini mengaplikasikan pedoman etimologi yang digagaskan oleh Collins (2003). Pedoman tersebut telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian ini yang berfokus kepada etimologi kata pinjaman. Analisis data mendapati bahawa sejumlah perkataan terpilih tersebut merupakan kata pinjaman kerana memiliki kemiripan bentuk dan makna dengan perkataan dalam bahasa Sanskrit. Peminjaman perkataan daripada bahasa Sanskrit telah menyebabkan berlakunya perubahan daripada bentuk dan makna perkataan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat empat elemen penting yang perlu dibincangkan dalam aspek etimologi, iaitu perihal bentuk, makna, sejarah dan geografi serta aspek kewujudan dan penggunaan sesebuah perkataan dalam bahasa Melayu. Kajian seperti ini penting bagi memperkembangkan lagi bidang perkamusan Melayu khususnya dalam menyediakan maklumat etimologi perkataan pinjaman Sanskrit dalam bahasa Melayu.

Kata Kunci: kata pinjaman, etimologi, kamus *A Malay-English Dictionary*, bahasa Sanskrit, bahasa Melayu.

Pengenalan

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang tergolong dalam keluarga bahasa Austronesia. Walaupun bahasa Melayu berada jauh daripada keluarga bahasa Indo-Eropah, namun bahasa ini tidak terkecuali daripada menerima pengaruh bahasa Indo-Eropah seperti bahasa Sanskrit, Inggeris, Belanda, Portugis, Hindi dan Parsi. Bahasa Melayu juga menerima pengaruh daripada keluarga bahasa Dravidian, iaitu bahasa Tamil dan bahasa Arab yang tergolong dalam keluarga bahasa Semitik. Antara perkataan yang diserap masuk ke dalam bahasa Melayu ialah harga, dana (bahasa Sanskrit), jumlah, hukum (bahasa Arab), enjin, mesin (bahasa Inggeris), beranda, bomba (bahasa Portugis) dan lain-lain.

Kemasukan perkataan asing ke dalam bahasa Melayu berlaku melalui proses peminjaman. Menurut Campbell (2013, p. 57), peminjaman perkataan bermaksud sesebuah bahasa mengambil perkataan daripada bahasa lain dan menjadikan perkataan tersebut sebahagian daripada perbendaharaan katanya sendiri. Aitchison (1991: 141) menyatakan bahawa peminjaman perkataan dalam sesebuah bahasa merupakan sesuatu yang mengelirukan. Setiap perkataan yang masuk ke dalam sesebuah bahasa seharusnya dipulangkan, tetapi keadaan yang berlaku adalah sebaliknya. Dalam hal ini, Aitchison (1991) mempertikaikan konsep yang terkandung dalam kata *borrowing* atau peminjaman. Item atau proses yang berlaku sebenarnya lebih sesuai digunakan ialah disalin dan bukannya dipinjam (Aitchison, 1991).

Kajian peminjaman perkataan ini berkait rapat dengan bidang etimologi. Etimologi merupakan sebuah bidang yang menyiasat atau mengkaji sejarah perkataan (Durkin, 2009, p. 1). Stockwell dan Minkova (2001) menyatakan bahawa etimologi merupakan kajian yang melibatkan sejarah dan perubahan yang dihadapi dalam sesebuah perkataan serta penelitian terhadap makna perkataan. Menurut Bynon (1977), etimologi merupakan kajian yang berusaha menyusun sejarah bentuk dan makna kata. Aspek sejarah dan semantik perkataan perlu dijejak sepanjang edaran masa sehingga mencapai bahasa sumber pinjaman sekiranya kata yang dikaji itu ialah kata pinjaman (Bynon, 1977). Berdasarkan takrifan yang dibuat oleh Bynon (1977), dapat disimpulkan bahawa kajian etimologi ialah kajian yang mendalami sejarah perkataan, bentuk dan makna perkataan.


Dalam kajian etimologi, perlu dibincangkan waktu kemunculan sesebuah perkataan dalam bahasa Melayu. Menurut Collins (2003), kajian etimologi memerlukan penelitian terhadap kemunculan sesebuah perkataan untuk pertama kalinya. Penelitian etimologi juga tidak hanya berfokus kepada satu bahasa sahaja. Perbandingan bentuk antara satu bahasa dengan bahasa yang lain perlu dilakukan. Contohnya, wujud perkataan dalam bahasa Melayu yang dipinjam daripada bahasa lain seperti kata kopi. Perbandingan berkaitan kata ini dalam bahasa Melayu tidak boleh dihadkan kepada perbandingan dalam bahasa Inggeris sahaja kerana perlu mengambil kira kaitannya bahasa Indo-Eropah yang lain seperti bahasa Belanda, Portugis dan lain-lain. Wujud kekeliruan dalam menentukan asal usul perkataan sekiranya tumpuan hanya diberikan kepada satu bahasa sahaja tanpa melakukan perbandingan dari sudut bentuk dan makna serta pemahaman terhadap kronologi sejarah.

Bahasa Sanskrit

Bahasa Sanskrit telah mempengaruhi bahasa Melayu sejak abad ke-7 Masihi lagi, iaitu ketika Alam Melayu bawah pemerintahan kerajaan Sriwijaya (Zaharani et al., 2011).¹ Bahasa Sanskrit telah dituturkan dengan meluas oleh masyarakat di kawasan utara India. Menurut Ismail Hussein (1966, p. 10-11), bahasa Melayu mengalami evolusinya setelah menerima pengaruh daripada bahasa Sanskrit. Pengaruh daripada bahasa Sanskrit dapat dibuktikan melalui ratusan perkataan Sanskrit yang wujud dalam bahasa Melayu. Hal ini dapat dilihat menerusi catatan asal usul perkataan dalam kamus Wilkinson (1901, 1902). Antara perkataan Sanskrit yang telah sebatikan dalam bahasa Melayu dan masih digunakan pada hari ini ialah kata raja, permaisuri, bangsa, duta, kapas, kapur, dan kaya.

Menurut Stockwell dan Minkova (2001, p. 22), bahasa Sanskrit telah wujud sejak 5000 tahun yang lalu. Menurut Deshpande (2007, p. xiv), bahasa Sanskrit dikatakan mempunyai status yang tinggi di negara India kerana penggunaannya hanya dalam kalangan sarjana dan bahasa ini diangkat atau dimartabatkan oleh golongan Brahmi. Bahasa ini merupakan bahasa suci agama Hindu. Kata Sanskrit membawa maksud diperhalusi, disempurnakan atau dihuraikan (Katzner, 2002, p. 170). Bahasa Sanskrit merupakan salah satu bahasa yang berada dalam keluarga bahasa Indo-Eropah. Bahasa itu berada dalam sub keluarga bahasa Indo-Aryan dan merupakan bahasa paling tua di dunia. Rajah 1 merupakan Keluarga Bahasa Indo-Eropah, iaitu:

¹ Menurut Nasha Rodziani Khaw & Nazarudin Zainun (2017), kedatangan pengembara India ke Nusantara telah bermula sejak zaman Sebelum Masihi lagi. Penemuan arkeologi serta karya-karya sastera awal yang wujud sedikit sebanyak memberi gambaran mengenai kedatangan pengembara dan pedagang India di Kepulauan Melayu (Nasha & Nazarudin, 2017). Oleh itu, tidak hairanlah jika begitu banyak kosa kata Sanskrit, Hindi dan Tamil yang wujud dalam bahasa Melayu kerana pertembungan antara masyarakat India dan Nusantara telah bermula sejak zaman Sebelum Masihi lagi.



Rajah 1: Keluarga Bahasa Indo-Eropah

Berdasarkan Rajah 1, kesemua bahasa di atas berasal daripada keluarga yang sama, iaitu Indo-Eropah dan masing-masing mempunyai pertalian yang erat. Pertalian ini dapat dikenal pasti melalui kemiripan antara perkataan, misalnya kata *father* (bahasa Inggeris), *patér* (bahasa Greek), dan *pitá* (bahasa Sanskrit) (Clackson, 2007, p. 75). Kemiripan yang berlaku dari sudut bentuk dan memiliki persamaan dari sudut makna membuktikan bahawa setiap kata itu berasal daripada keluarga bahasa yang sama.

Penyataan Masalah

Menurut Collins (2003), kajian etimologi di Malaysia masih kurang dijalankan oleh pengkaji di Malaysia. Begitu juga dengan Noresah et al. (2009, p. 309) yang berpandangan bahawa kajian sejarah bahasa kurang menyerlah dan kelam. Kurangnya kajian dalam bidang ini disebabkan kajian etimologi merupakan sebuah kajian yang rumit. Menurut Hartmann & Gregory (1998, p. 52), proses menentukan sesebuah “etimon” dalam kajian etimologi merupakan tugas yang rumit. Kekurangan kajian berkaitan etimologi telah memberi kesan kepada penghasilan kamus yang terarah kepada kamus etimologi.

Menurut Collins (2003), di Malaysia masih belum diterbitkan sebuah kamus etimologi yang lengkap. Kamus *A Malay-English Dictionary* (AMED)² dihasilkan oleh Wilkinson pada tahun 1901 dan 1902 tidak sesuai untuk dikategorikan sebagai kamus etimologi. Kamus tersebut hanya mencatatkan tentang asal usul kata dengan sistem penandaan [Skr] yang merujuk kepada kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit serta mencatatkan bentuk asal dan makna yang digunakan dalam bahasa Melayu pada waktu tersebut. Oleh itu, tidak memadai jika hanya catatan mengenai asal usul kata diberikan tanpa

² Kajian ini akan menggunakan kata singkatan AMED bagi merujuk *A Malay-English Dictionary* yang dihasilkan oleh Wilkinson (1901, 1902).

menjelaskan perubahan yang berlaku dan maklumat lengkap hayatnya berdasarkan kemunculan pertama perkataan tersebut dalam bahasa Melayu. Catatan mengenai perkara yang dinyatakan tadi wujud pedoman Collins (2003) yang menfokuskan kepada aspek bentuk kata dan penelitian kepada kemunculan perkataan buat pertama kali.

Selain itu, wujud beberapa polemik tentang asal usul perkataan kerana kajian etimologi tidak dibuat secara menyeluruh. Dalam proses menjejaki asal usul perkataan, beberapa penelitian perlu dilaksanakan, iaitu penelitian kepada bahasa-bahasa berkaitan, kewujudan dan penggunaan perkataan yang merangkumi aspek masa, dan sejarah dan geografi (Collins, 2003). Contohnya, dalam menentukan asal usul sesuatu perkataan Sanskrit, penelitian harus dibuat kepada bahasa-bahasa yang mempunyai hubungan yang rapat dengan bahasa Sanskrit, iaitu bahasa Hindi dan bahasa Tamil. Ketidakselarasan dalam menentukan asal usul sesebuah perkataan itu dapat dilihat melalui catatan asal usul kata mangga dalam bahasa Melayu. Wilkinson (1901) dan Singam (1957) berpendapat bahawa kata mangga berasal daripada bahasa Sanskrit, manakala Noriah dan Selvarani (2015, p. 67), *Kamus Dewan Perdana* (2020, p. 1407) dan Nathesan (2015) mencatatkan kata mangga dipinjam daripada bahasa Tamil, iaitu *māṅgāy*. Ketidakselarasan ini mungkin berpunca daripada penelitian yang menjurus kepada satu bahasa sahaja tanpa melihat kepada bahasa-bahasa yang berkaitan. Oleh itu, kajian ini akan memberikan penjelasan dan meneliti catatan para sarjana bahasa yang menjalankan kajian berkaitan kata pinjaman Sanskrit dalam bahasa Melayu.

Objektif Kajian

Kajian ini akan mengenal pasti perkataan pinjaman daripada bahasa Sanskrit dan mengkaji perubahan-perubahan yang berlaku pada sesebuah kosa kata Sanskrit setelah masuk ke dalam bahasa Melayu. Perubahan yang dimaksudkan ialah perubahan bentuk dan makna bagi sesebuah kata. Setiap perkataan terpilih dianalisis dari sudut etimologi dan turut dijelaskan perubahan serta pergerakan kata dalam bentuk jadual etimologi awal kata pinjaman.

Sorotan Kajian

Kajian berkaitan kata pinjaman yang berfokus pada makna dan perubahan bentuk kata telah banyak dilakukan oleh sarjana di Malaysia. Namun begitu, kajian yang berfokus kepada ruang lingkup etimologi yang meneliti kepada sejarah dan geografi perkataan, penelitian kepada kemunculan awal perkataan, serta perubahan bentuk dan makna perkataan masih lagi kurang dijalankan. Selain itu, penelitian kosa kata Sanskrit dari sudut etimologi bahasa Melayu masih kurang dikaji. Bahagian ini akan menyoroti kajian-kajian lepas tentang bahasa Sanskrit yang dilakukan oleh sarjana bahasa seperti Gonda (1973), Singam (1957), Kuizon (1964) dan lain-lain.

Zaharani et al. (2011) telah mengkaji perubahan yang berlaku dalam fonologi kata pinjaman bahasa Sanskrit. Sebagai contoh, ejaan /p^hala/ dalam bahasa Sanskrit mengalami perubahan, iaitu berlaku penyisipan huruf vokal /a/ antara dua konsonan, iaitu /p/ dan /h/ lalu membentuk kata pahala. Begitu juga dengan kata *stri* dalam bahasa Sanskrit disisipkan vokal /i/ membentuk kata isteri. Kajian oleh Mohd Nor Azan Abdullah dan Mohd Yusof Abdullah (2017) pula meneliti pengaruh bahasa Sanskrit dalam bahasa Melayu. Kajian ini boleh dikatakan sebagai sebuah kajian pengenalan kepada kajian peminjaman perkataan daripada

bahasa Indo-Eropah dan aspek perubahan bentuk perkataan. Contohnya, kata *bhasa* dalam bahasa Sanskrit mengalami perubahan bentuk kepada bahasa dalam bahasa Melayu setelah menerima vokal /a/. Menurut Zaharani et al. (2011), penyisipan vokal bertujuan untuk mengubah struktur suku kata yang kompleks menjadi suku kata yang mudah. Memang tidak dinafikan bahawa pelaksanaan rumus penyisipan vokal adalah strategi fonologi untuk memecahkan rangkap konsonan. Strategi ini bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada struktur suku kata asas bahasa ibunda.

Kajian yang dilakukan oleh Singam (1957) berbentuk penyenaian kata-kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit dalam bahasa Melayu. Singam (1957, p. 2) menjelaskan perubahan kata *merdeka* yang wujud dalam bahasa Melayu berasal daripada bentuk Sanskrit, iaitu *Maha-riddhika* yang bermaksud “kemakmuran terbesar”. Perbincangan ini memperlihatkan bahawa bentuk perkataan akan berubah dan sebutannya lebih mudah berbanding bahasa asal. Kajian yang dilakukan oleh Thamaraselvi dan Sharifah (2018) pula merupakan sebuah kajian yang berfokus kepada aspek fonologi kata pinjaman daripada bahasa Tamil. Kajian tersebut mendapati bahawa terdapat perubahan pada peringkat struktur suku kata yang melalui tiga strategi adaptasi fonologi, iaitu degeminasi, pemendekan vokal dan pengguguran suku kata. Contoh perkataan yang mengalami proses degeminasi ialah kata *autta* (bahasa Tamil) berubah menjadi *auta* apabila diserap masuk ke dalam bahasa Melayu. Pemendekan vokal dapat dilihat menerusi kata *niilam* yang berubah kepada *nila* dan pengguguran vokal dan suku kata *sa.nam* pada kata *yoo.gaa.sa.nam* membentuk kata *yoga*.

Gonda (1973) merupakan sarjana yang membincangkan tentang perkataan Sanskrit dalam bahasa Melayu. Gonda (1973) mencatatkan bentuk kata Sanskrit yang mengalami perubahan seperti kata bendahara yang bermaksud harta karun (pejabat penting di negeri ini) berasal daripada bentuk *bhadagara* dan kata bidadari pula bermaksud kelas wanita yang berketurunan jin berasal daripada bentuk *vidyadhari*. Timbul satu persoalan penting yang perlu dibincangkan, iaitu adakah bidadari merupakan wanita yang berketurunan jin? Makna yang dicatatkan oleh Gonda (1973) bercanggah dengan kepercayaan masyarakat Islam. Wujud kebarangkalian maksud tersebut ialah berdasarkan kepercayaan masyarakat India. Jika dibandingkan dengan agama Islam, ada dalil-dalil yang dinyatakan oleh para ulama bahawa bidadari dicipta daripada zafaran (Penelitian berkaitan hal ini perlu difahami dari sudut agama Islam dengan lebih mendalam).

Menurut Notosudirjo (1981), kata *vidyadhari* terhasil daripada dua bentuk kata, iaitu *vidya* yang bermaksud pengetahuan dan *dhari* bermaksud “yang membawa”. Berbeza pula dengan Singam (1957, p. 22) yang mencatatkan kata *vidadhari* merujuk kepada sejenis haiwan, iaitu kupu-kupu. Perbincangan ini menjelaskan bahawa terdapat perkataan yang dibentuk menerusi penggabungan dua kata sehingga terhasil makna yang baharu. Selain itu, Kuizon (1964) meneliti aspek fonologi, morfologi dan semantik dengan membandingkan dengan tiga bahasa Austronesia, iaitu bahasa Melayu, Jawa dan bahasa Bisaya. Menurut Kuizon (1964, p. 138), terdapat perkataan yang mengalami peluasan makna apabila diserap masuk ke dalam bahasa Melayu, Jawa dan Bisaya. Contohnya, kata *puteri* (bahasa Melayu) dipinjam daripada bahasa Sanskrit, iaitu *putri* yang bermaksud anak perempuan. Dalam bahasa Melayu, kata *puteri* bermaksud [1] anak perempuan kepada raja; [2] anak perempuan (untuk menghormati). Perbincangan ini menjelaskan bahawa peminjaman perkataan menyebabkan berlaku perubahan bentuk dan makna.

Berdasarkan perbincangan oleh Zaharani et al. (2011), Thamaraselvi dan Sharifah (2018), Notosudirjo (1981) dan Mohd Nor Azan Abdullah dan Mohd Yusof Abdullah (2017),

dapat disimpulkan bahawa peminjaman perkataan akan menyebabkan berlakunya perubahan bunyi yang sekali gus membawa kepada perubahan bentuk kata. Walaupun kajian-kajian yang disoroti ini tidak sepenuhnya berfokus kepada etimologi, kajian-kajian ini terarah kepada kajian etimologi kata pinjaman. Berdasarkan sorotan ini, penelitian kepada bentuk dan makna amat penting dalam kajian etimologi. Namun begitu, aspek sejarah dan geografi serta aspek kewujudan dan penggunaan perkataan dalam bahasa Melayu juga perlu diambil kira. Hubungan antara bahasa-bahasa di dunia juga perlu difahami dengan jelas agar tidak menimbulkan kekeliruan dalam menyatakan asal usul perkataan. Contohnya, dalam meneliti kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit, penelitian perkataan dalam bahasa Tamil perlu dilakukan kerana bahasa Tamil dan Sanskrit saling melakukan proses peminjaman (Noriah & Selvarani, 2015). Hal ini dapat dilihat menerusi kemiripan kata *jīvan* (bahasa Tamil) dan *jiva* (bahasa Sanskrit) yang merujuk kepada nyawa, roh dan kehidupan.

Metodologi Kajian


Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan berkaitan sumber data kajian dan kaedah yang digunakan dalam menganalisis setiap perkataan pinjaman Sanskrit terpilih. Kajian ini memanfaatkan data daripada *A Malay-English Dictionary* (AMED) yang dihasilkan oleh Wilkinson (1901, 1902). Pemilihan AMED sebagai sumber data kajian kerana kamus tersebut mengandungi banyak maklumat berkaitan bentuk dan makna perkataan yang wujud pada 120 tahun yang lalu. Data-data yang diambil daripada AMED merupakan data yang bertandakan [Skr] yang merujuk kepada asal usul kata itu daripada bahasa Sanskrit. Walaupun AMED telah menyatakan asal usul perkataan, namun menerusi kaedah etimologi, sesebuah perkataan pinjaman dapat dibincangkan dengan lebih terperinci. Terdapat 506 patah perkataan Sanskrit dalam AMED, namun kajian ini tertumpu kepada lima data sahaja, iaitu kata catur, madu, *wangsa*, sasa dan mempelam yang dipilih secara rawak. Rasional pemilihan kelima-lima data ini dibuat kerana penggunaannya difahami dan digunakan secara meluas oleh masyarakat pada masa kini.

Kajian ini akan menerapkan pedoman etimologi yang digagaskan oleh Collins (2003). Collins (2003) telah menyenaraikan enam pedoman dalam meneliti etimologi sesebuah perkataan. Namun, kajian ini menggunakan empat daripadanya yang telah diperkemaskan bersesuaian dengan kajian ini yang berfokus kepada etimologi kata pinjaman. Aspek pedoman yang pertama ialah dengan mengenal pasti kali pertama kemunculan sesebuah perkataan. Berdasarkan pedoman ini, manuskrip Melayu lama perlu dimanfaatkan bagi mendapatkan maklumat berkaitan kewujudan dan penggunaan sesebuah perkataan dalam bahasa Melayu. Aspek pedoman yang kedua merangkumi penelitian kepada sejarah dan geografi. Pedoman kedua yang dibincangkan oleh Collins (2003) berkait rapat dengan fenomena pertembungan bahasa yang mendorong berlakunya peminjaman perkataan. Durkin (2014) turut menjelaskan bahawa kajian perkataan perlulah melihat cara perkataan tersebut diserap masuk ke dalam bahasa lain dan asal perkataan yang dipinjam.

Pedoman ketiga ialah kesepadanan bunyi yang telah diketahui harus berlandaskan usaha etimologi. Menurut Liberman (2009), pengenalpastian hubungan kognat dalam setiap bahasa merupakan langkah awal dalam kajian etimologi. Dalam pedoman ini, kemiripan dan persamaan antara bentuk kata dengan bahasa asal perlu diteliti (Collins, 2003; Durkin, 2009). Penelitian kepada bentuk sahaja tidak boleh dijadikan sebagai bukti perkataan tersebut merupakan kata pinjaman kerana kemiripan dan persamaan bahasa berlaku secara kebetulan


sahaja. Hubungan satu perkataan dengan perkataan dalam bahasa lain akan difokuskan dalam analisis ini.

Pedoman yang terakhir ialah penerangan dan penjelasan setiap unsur kata yang perlu dilakukan secara menyeluruh. Penjelasan ini merangkumi aspek bentuk dan makna serta penjelasan berkaitan perkataan yang bentuknya berbeza, tetapi merujuk kepada rujukan atau makna yang sama. Contohnya, dalam bahasa Melayu wujud dua bentuk kata yang berbeza, iaitu kopi dan *kahwa*, tetapi merujuk kepada rujukan yang sama, iaitu kopi. Oleh itu, kedua-dua bentuk ini perlu diberi perhatian kerana mampu memberi jawapan kepada asal usul perkataan. Berdasarkan perbincangan ini, kerangka pedoman oleh Collins (2003) dapat diperlihatkan seperti Rajah 2 yang berikut, iaitu:



Rajah 2: Pedoman Etimologi oleh Collins (2003)

Berdasarkan empat pedoman yang dirangkakan dalam Rajah 2, empat elemen yang perlu diberi perhatian dalam kajian ini dapat diperlihatkan seperti Rajah 3, iaitu:



Rajah 3: Elemen Kajian Etimologi Ubahsuai daripada Gagasan Pedoman Etimologi Collins (2003)

Perbincangan dan Analisis Data

Terdapat lima data terpilih yang akan dianalisis. Analisis data bermula dengan kata catur, seterusnya kata madu, *wangsa*, sasa dan yang terakhir ialah kata mempelam. Setiap analisis data akan ditunjukkan jalur peminjaman yang merangkumi etimologi awal bagi setiap perkataan.

Kata Pinjaman Catur dalam Bahasa Melayu

Berdasarkan *A Malay-English Dictionary* atau AMED (1901, p. 242), kata *chatur* (ejaan Wilkinson) atau catur (ejaan bahasa Melayu masa kini) merujuk kepada sejenis permainan. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (KDIV, 2015, p. 251)³ mendefinisikan kata catur sebagai [1] sejenis permainan untuk dua orang; [2] (Sanskrit) empat. Maklumat asal usul kata ini dapat diteliti dalam *An Unabridged Malay-English Dictionary* (1959, p. 59) yang mencatatkan kata catur berasal daripada bahasa Sanskrit yang merujuk kepada permainan. *Kamus Dewan Perdana* (KDP)⁴ (2020) mendefinisikan kata catur dipinjam daripada bahasa Sanskrit, iaitu daripada bentuk *caturāṅga*. Asal usul kata ini dapat disahkan menerusi *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit* (SDFSS).⁵ Kata catur dalam bahasa Melayu mempunyai kemiripan

³ Dalam kajian ini, singkatan KDIV digunakan bagi merujuk kepada *Kamus Dewan Edisi Keempat*.

⁴ Singkatan KDP akan digunakan untuk perbincangan selanjutnya bagi merujuk kepada *Kamus Dewan Perdana*.

⁵ Singkatan SDFSS akan digunakan untuk perbincangan selanjutnya bagi merujuk kepada *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit*. SDFSS mencatatkan banyak makna bagi sesebuah perkataan. Kajian ini hanya berfokus kepada makna yang paling dekat dengan makna yang digunakan dalam bahasa Melayu.

dengan kata *caturāṅga* (bahasa Sanskrit) yang merujuk kepada catur. Penelitian kepada bentuk asal dalam bahasa Sanskrit dalam SDFSS menunjukkan bahawa kata *caturāṅga* mengalami perubahan bentuk setelah diserap masuk ke dalam bahasa Melayu.

Terdapat satu bentuk kata lain yang lebih mirip dengan kata catur dalam SDFSS, iaitu kata *catura* yang bermaksud [1] mahir; [2] pandai; [3] berhemah. Selain itu, maklumat perkataan ini sekali lagi perlu diteliti menerusi bahasa turunan bahasa Sanskrit, iaitu bahasa Hindi. Menurut *Hindi English Dictionary* (1993, p. 301), kata *catura* bermaksud [1] empat daripada empat bahagian; catur (bentuk permainan kuno India); [2] kuartet (penyanyi dan instrumentalis). Penelitian ke atas makna kata *catura* dalam SDFSS perlu dilakukan kerana permainan catur sering dikaitkan dengan kepandaian dan kemahiran dalam mengatur pergerakan. Menurut Gobet (2019, p. 1), permainan catur sering dianggap sebagai simbol kebijaksanaan dan memerlukan kemahiran paling banyak berbanding permainan lain. Permainan ini juga dianggap sebagai simbol kecerdasan dan ia sering digunakan dalam iklan perbankan dan perniagaan.

Permainan ini lahir di India pada abad ke-6 dan seterusnya berkembang ke negara Iran pada abad berikutnya. Gobet (2019) menyatakan bahawa permainan ini berkembang ke Eropah melalui negara Sepanyol. Pada abad ke-13, permainan ini menjadi dominan dalam kalangan masyarakat Eropah. Berdasarkan perbincangan kata catur, berkemungkinan kata catur yang wujud dalam bahasa Melayu dipinjam daripada bahasa Hindi. Hal ini demikian kerana bentuk kata *catura* dalam bahasa Hindi lebih mirip dengan kata catur yang digunakan dalam bahasa Melayu. Kata *catura* telah mengalami pengguguran fonem /a/ membentuk kata catur. Namun begitu, berbeza dengan KDP (2020) yang mencatatkan kata catur dipinjam daripada bentuk *caturāṅga*.

Selain itu, wujud satu bentuk kata yang lebih mirip dengan kata catur yang dijejak dalam bahasa Tamil, iaitu catur. Menurut *Tamil and English Dictionary* (1972, p. 336) mencatatkan kata catur bermaksud [1] kemashuran catur untuk mempertimbangkan pergerakan catur, ahli catur, untuk bermain catur; [2] nombor empat, yang bersenjata. Kewujudan dan penggunaan kata catur dalam bahasa Melayu dapat dijejak dalam *Hikayat Bayan Budiman (Bayan)* antara abad ke-14 hingga awal abad ke-17. Hikayat ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Kadi Hassan pada 1371 Masihi, namun naskhah yang dianggap lengkap ditemui pada 1600 Masihi. Jadual 1 menunjukkan kewujudan dan penggunaan kata catur dalam *Bayan* dan Jadual 2 merupakan etimologi awal kata catur dalam bahasa Melayu, iaitu:

Jadual 1: Kewujudan dan Penggunaan Kata Catur dalam *Bayan*

Bayan 44:3 ... anak kera itu pun marah lalu dihamburkannya buah **catur** itu kepada anak saudagar itu. Syahdan, kepada masa itu orang pun.

Jadual 2: Etimologi Awal Kata Catur dalam Bahasa Melayu

i. catur (bahasa Melayu) bermaksud [1] sejenis permainan untuk dua orang; [2] (Sanskrit) empat (kewujudan dan penggunaan kata *catur* dalam *Bayan* antara abad ke-14 hingga awal abad ke-17) ← *chatur* (1901) ← *catura* / *caturāṅga* (bahasa Sanskrit) bermaksud ‘mahir, berhemah, pandai’ / *catura* (bahasa Hindi) [1] empat daripada empat bahagian; catur (bentuk permainan kuno India). Permainan ini muncul di India pada abad ke-6.

atau

ii. catur (bahasa Melayu) bermaksud [1] sejenis permainan untuk dua orang; [2] (Sanskrit)

empat (kewujudan dan penggunaan kata *catur* dalam Bayan antara abad ke-14 hingga awal abad ke-17) *chatur* (1901) ← *catur* (bahasa Tamil) (rujuk makna [1] dan [2] dalam bahasa Tamil) ← *catura* (bahasa Sanskrit) bermaksud [1] mahir; [2] pandai; [3] berhemah. Permainan ini muncul di India sekitar abad ke-6.

Kata Pinjaman Madu dalam Bahasa Melayu

Analisis seterusnya ialah kata madu dalam bahasa Melayu. Berdasarkan AMED (1902), kata madu yang digunakan dalam bahasa Melayu pada hari ini merupakan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud manisan dan makanan. Singam (1957, p. 16) mencatatkan kata madu dalam bahasa Melayu dipinjam daripada bentuk *madhu* (bahasa Sanskrit). Jika diteliti semula bentuk asal perkataan ini menerusi *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit* (SDFSS), kata *madhu* mempunyai makna yang lebih luas, iaitu merujuk kepada [1] madu; [2] manisan; [3] kesenangan. Kata *madhu* yang wujud dalam bahasa Sanskrit sekali lagi dapat dikenal pasti melalui bahasa turunannya, iaitu bahasa Hindi. Berdasarkan *Hindi English Dictionary* (1993, p.788) mencatatkan kata *madhu* bermaksud [1] madu; [2] kemanisan; [3] minuman yang memabukkan; minuman yang diperbuat daripada bunga pokok mahuā.

Kata *madhu* atau dalam bentuk tulisan Sanskrit मधु mengalami perubahan bentuk kepada madu setelah perkataan itu diserap masuk ke dalam bahasa Melayu. Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015, p. 973), kata madu bermaksud [1] cecair manis yang terdapat dalam sarang lebah dan bunga; [2] wanita lain yang menjadi isteri kepada suami sendiri. Kata madu yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit telah membentuk makna yang lain, iaitu merujuk kepada makna kiasan seperti dalam KDIV (rujuk makna [2]). Kata madu yang wujud dalam bahasa Sanskrit sebenarnya berakar daripada akar Indo-Eropah, iaitu *medhu* (Ali Nourai, 2013) dan seterusnya diserap masuk ke dalam bahasa Sanskrit bagi membentuk kata *madhu*. Ali Nourai (2013) yang meneliti etimologi perkataan Parsi mencatatkan kata *madhu* bermaksud madu dan *madha* dalam bahasa Avesta merujuk kepada *wine*.

Analisis data mendapati apabila sesuatu perkataan masuk ke dalam bahasa lain, kebarangkalian untuk sesebuah perkataan itu mengalami pertambahan makna merupakan sesuatu yang tidak mustahil. Hal ini juga dapat dilihat melalui makna kata *madhu* yang wujud dalam bahasa Hindi. Oleh itu, tidak hairanlah jika dikatakan bahawa kata *madu* dipinjam daripada bahasa Sanskrit kerana wujud kemiripan antara kata madu (bahasa Melayu) dan *madhu* (bahasa Sanskrit). Beralih pula kepada kewujudan dan penggunaan kata *madu* dalam bahasa Melayu, kata *madu* dapat dijejak penggunaannya dalam *Hikayat Bayan Budiman* (*Bayan*) sekitar abad ke-17 atau lebih awal daripada abad yang tercatat. Jadual 3 menunjukkan ditunjukkan penggunaan kata madu dalam *Bayan* dan Jadual 4 merupakan etimologi awal kata madu dalam bahasa Melayu, iaitu:

Jadual 3: Kewujudan dan Penggunaan Kata Madu dalam *Bayan*

Bayan 193:5 ... yang manis-manis, lemak, yang lazat daripada air *madu*; serta sujud ia pada kaki Hasanah itu serta dengan tangisnya ...

Jadual 4: Etimologi Awal Kata Madu dalam Bahasa Melayu

madu (bahasa Melayu) bermaksud [1] cecair manis yang terdapat dalam sarang lebah dan bunga; [2] wanita lain yang menjadi isteri kepada suami sendiri (kewujudan dan penggunaan kata *madu* dalam Bayan antara abad ke-14 hingga awal abad ke-17) ← *madhu* (bahasa Sanskrit) bermaksud “madu, manisan” ← **medhu* ‘honey’ (akar Indo-Eropah).

Kata Pinjaman *Wangsa* dalam Bahasa Melayu

Perbincangan diteruskan dengan kata pinjaman *wangsa* dalam bahasa Melayu. Berdasarkan AMED (1902, p. 679), kata *wangsa* yang wujud dalam bahasa Melayu dipinjam daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud kaum dan bangsa. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada SDFSS, kata *vaṃśa* atau dalam bentuk tulisan Sanskrit yang bermaksud [1] bangsa; [2] dinasti keluarga. KDP (2020, p. 2509) mendefinisikan kata *wangsa* sebagai susunan yang berturut-turut atau jurai raja-raja yang memerintah sesebuah negara, berasal daripada keturunan, bangsa atau keluarga yang sama. Kata ini merupakan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit, iaitu daripada bentuk *vaṃśa*.

Bentuk kata *vaṃśa* dalam bahasa Sanskrit telah mengalami perubahan sebutan setelah diserap masuk ke dalam bahasa Melayu, iaitu berlaku penggantian konsonan /v/ kepada /w/, dan konsonan /m/ digantikan dengan konsonan /ng/ membentuk kata *wangsa*. Pembuktian ini perlu diteruskan dengan bahasa-bahasa yang lain, iaitu bahasa Hindi. Dalam bahasa Hindi, kata *bamśa* atau bermaksud [1] buluh; [2] keturunan keluarga; [3] keluarga (*Hindi English Dictionary*, 1993). Makna bagi kata *bamśa* dalam bahasa Hindi memiliki kemiripan dengan kata *vaṃśa* dalam bahasa Sanskrit. Dalam bahasa Melayu, terdapat satu bentuk kata yang mempunyai persamaan dari segi makna dengan kata *wangsa*, iaitu kata bangsa. Kemiripan kedua-dua perkataan tersebut daripada segi bentuk dan makna kata dapat dianggap sebagai satu bentuk sinonim. Berdasarkan KDIV (2015, p. 122), kata bangsa bermaksud [1] jenis manusia daripada satu asal keturunan; [2] kumpulan manusia dalam satu ikatan ketatanegaraan; [3] macam, jenis; [4] jantina, jenis kelamin; [5] darjat tinggi, keturunan mulia. Singam (1957, p. 19) mencatatkan kata bangsa yang digunakan dalam bahasa Melayu dipinjam daripada bentuk Sanskrit, iaitu *vanca* yang bermaksud [1] manusia; [2] bangsa. Wujud kemiripan antara kata *vanca* yang ditulis oleh Singam dengan kata *vaṃśa*. Begitu juga dengan KDP (2020, p. 200) yang mencatatkan kata *bangsa* yang wujud dalam bahasa Melayu dipinjam daripada bentuk Sanskrit, *vaṃśa*.

Namun, bagi membincangkan satu bentuk kata lain yang merujuk kepada kata bangsa dalam bahasa Melayu, penelitian harus diberikan kepada kata *bamśa* yang wujud dalam bahasa Hindi. Kata bangsa yang wujud dalam bahasa Melayu memiliki kemiripan dengan kata *bamśa* dalam bahasa Hindi. Kata *bamśa* kemudiannya mengalami perubahan bentuk kepada bangsa apabila masuk ke dalam bahasa Melayu. Kata *bamśa* mengalami perubahan bentuk melalui penggantian konsonan /m/ kepada konsonan /ng/ membentuk kata bangsa. Berdasarkan penelitian ini, tidak mungkin bentuk yang sama daripada bahasa Sanskrit, iaitu *vaṃśa* menerbitkan dua bentuk kata yang lain, iaitu *wangsa* dan bangsa. Penelitian penggunaan awal sesebuah perkataan dalam bahasa Melayu. Berdasarkan penelitian ini, kata *wangsa* dan *bangsa* telah digunakan sejak sekian lama, iaitu antara abad ke-14 hingga awal abad ke-17. Hal ini dapat dibuktikan melalui catatan perkataan yang terdapat dalam *Hikayat Bayan Budiman (Bayan)* seperti Jadual 5 menerusi *Malay Concordance Project*. Penggunaan kata *wangsa* dan *bangsa* dalam *Bayan* dapat diperlihatkan seperti dalam Jadual 6 yang berikut, iaitu:

Jadual 5: Kewujudan dan Penggunaan Kata *Wangsa* dalam *Bayan*

Bayan 96:4 Akan raja itu lagi muda belia teruna muda *wangsa* belum lagi beristeri. Maka ada seorang Perdana Menteri terlalu.

Jadual 6: Kewujudan dan Penggunaan Kata Bangsa dalam *Bayan*

Bayan 311:25 bersama-sama dengan burung cemperling itu, karena **bangsa** burung itu dengki khianat lagi perbantahan, tiada harus dibawa.

Berdasarkan perbincangan ini, dapat disimpulkan bahawa kedua-dua perkataan ini merupakan kata pinjaman. Oleh itu, etimologi awal kata *wangsa* dan bangsa dapat diperlihatkan seperti dalam Jadual 7 dan 8 yang berikut, iaitu:

Jadual 7: Etimologi Awal Kata *Wangsa* dalam Bahasa Melayu

wangsa (bahasa Melayu) bermaksud “bangsa, keluarga, (raja, keturunan raja)” (kewujudan dan penggunaan kata *wangsa* dalam *Bayan* antara abad ke-14 hingga awal abad ke-17) ← *vaṃśa* (bahasa Sanskrit) bermaksud “bangsa, dinasti keluarga”.

Jadual 8: Etimologi Awal Kata Bangsa dalam Bahasa Melayu

-
- i. bangsa (bahasa Melayu) bermaksud [1] jenis manusia daripada satu asal keturunan; [2] kumpulan manusia dalam satu ikatan ketatanegaraan; [3] macam, jenis; dan lain-lain (kewujudan dan penggunaan kata *bangsa* dalam *Bayan* antara abad ke-14 hingga awal abad ke-17) ← *baṃsa* (bahasa Hindi) bermaksud “keturunan keluarga, keluarga” ← *vaṃśa* / *vaMza* (bahasa Sanskrit) merujuk kepada “bangsa, dinasti keluarga”.
- atau**
- ii. bangsa (bahasa Melayu) bermaksud [1] jenis manusia daripada satu asal keturunan; [2] kumpulan manusia dalam satu ikatan ketatanegaraan; [3] macam, jenis; dan lain-lain (kewujudan dan penggunaan kata *bangsa* dalam *Bayan* antara abad ke-14 hingga awal abad ke-17) ← *baṃsa* (bahasa Hindi) bermaksud [1] buluh; [2] keturunan keluarga; [3] keluarga.
-

Kata Pinjaman Sasa dalam Bahasa Melayu

AMED (1901, p. 361) mencatatkan kata sasa yang digunakan dalam bahasa Melayu dipinjam daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud kuat (badan). Begitu juga Singam (1957, p. 79) yang mencatatkan kata sasa dalam bahasa Melayu dipinjam daripada bahasa Sanskrit, iaitu *sahasa* yang bermaksud kuat. Namun begitu, maklumat berkaitan asal usul perkataan ini tidak wujud dalam KDP. Berdasarkan KDIV (2015, p. 1395), sasa bermaksud kuat dan tegap. Maklumat asal usul bagi perkataan ini sekali lagi perlu diteliti dan disahkan melalui bahasa Sanskrit (SDFSS). Berdasarkan SDFSS, kata *sāhasa* atau साहस bermaksud keberanian.

Berdasarkan maklumat yang terkandung dalam SDFSS, didapati bahawa kata sasa dalam AMED, KDIV dan SDFSS memiliki perkaitan dari segi makna, iaitu merujuk kepada “kekuatan”. Pembuktian pada peringkat ini jelas menunjukkan bahawa kata *sāhasa* dipinjam daripada bahasa Sanskrit. Kata *sāhasa* telah mengalami perubahan sebutan membentuk kata sasa seperti yang digunakan dalam bahasa Melayu. Seterusnya, beralih pula kepada penelitian kewujudan atau penggunaan sesebuah kata menerusi manuskrip Melayu lama. Penggunaan kata sasa dapat dijejak melalui manuskrip *Sejarah Melayu (SM)* yang dianggarkan bertarikh

1650 Masihi. Jadual 9 merupakan penggunaan kata sasa dalam *SM* dan jadual etimologi awal kata sasa dalam bahasa Melayu.

Jadual 9: Kewujudan dan Penggunaan Kata Sasa dalam *SM*

SM 222:16 Sang Sura. Adapun Sang Guna itu baik sikapnya, tegap **sasa** tubuhnya, akan Sang Sura kecil tubuhnya, hanya mersik lagi ...

Jadual 10: Etimologi Awal Kata Sasa dalam Bahasa Melayu

sasa (bahasa Melayu) bermaksud “kuat dan tegap” Perkataan ini telah ditemukan penggunaannya dalam *Sejarah Melayu* (kewujudan dan penggunaan kata *sasa* dalam *SM* sekitar abad ke-17) ← *sāhasa* (bahasa Sanskrit) merujuk kepada ‘keberanian’.

Kata Pinjaman Mempelam dalam Bahasa Melayu

AMED mencatatkan kata *empelam* (ejaan Wilkinson) merupakan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit. Berbeza pula dengan KDP (2020) yang mencatatkan kata *mempelam* merupakan kata pinjaman daripada bahasa Tamil, iaitu daripada kata *māmparam* yang bermaksud ‘nama sejenis pokok atau buahnya; mangga; *Mangifera indica*’. Begitu juga dengan Noriah & Selvarani (2015, p. 67) yang mendapati bahawa kata *mempelam* dipinjam daripada bahasa Tamil, iaitu daripada bentuk *māmpalam* yang bermaksud *mempelam* yang masak.

Catatan AMED pula mencatatkan kata *mempelam* merupakan sebuah kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit. Sebenarnya tidak ditemukan bentuk asal kata *mempelam* dalam bahasa Sanskrit. Berkemungkinan kata *mempelam* mengalami perubahan bentuk daripada bentuk *amlaphala* kepada *mempelam*. Pokok atau buah *amlaphala* (ejaan dalam SDFSS) sebenarnya merujuk kepada “*mempelam*” (ejaan bahasa Melayu kini). Selain itu, terdapat satu bentuk kata lain yang mempunyai kemiripan dengan bentuk *amlaphala* (*amla* bermaksud buah), iaitu kata *amra* yang juga merujuk kepada buah mangga.

Kata *amra* telah mengalami perubahan konsonan, iaitu konsonan /r/ digantikan dengan konsonan /l/ membentuk kata *amla* + *phala* (buah). Walaupun wujud perbezaan bentuk yang ketara, maksudnya masih sama, iaitu merujuk kepada buah mangga. Noriah & Selvarani (2015, p. 24) mencatatkan kata *amra* ialah kata pinjaman daripada bahasa Tamil, iaitu *amarakkaai*. Sebenarnya, kata *amra* yang digunakan dalam bahasa Melayu dipinjam daripada bahasa Sanskrit. Hal ini dapat dibuktikan melalui bentuk *āmra* yang wujud dalam bahasa Sanskrit sama dengan bentuk yang digunakan dalam bahasa Melayu berbanding bahasa Tamil.

Selain itu, terdapat satu bentuk kata yang lain merujuk kepada *mempelam*, iaitu mangga. Kata mangga atau nama lainnya *mengifera* atau lebih dikenali sebagai *mango* (bahasa Inggeris) bermaksud sejenis tumbuhan (pokok dan buahnya) *mempelam* (KDIV, 2015, p. 993). Berdasarkan AMED (1901, p. 651) kata mangga yang digunakan dalam bahasa Melayu merupakan kata pinjaman Sanskrit. Berbeza pula dengan KDP (2020) yang mencatatkan mangga dipinjam daripada bahasa Tamil, iaitu *mānggāy*. Begitu juga dengan Noriah & Selvarani (2015) yang mencatatkan kata mangga dipinjam daripada bentuk *mañkaai* (bahasa Tamil) yang bermaksud mangga yang belum dimasak. Nathesan (2015, p. 143) menyatakan bahawa kata mangga berasal daripada bahasa Tamil, iaitu *manggai* yang

diserap masuk ke dalam bahasa Melayu melalui bahasa Portugis, *manga*. Menurut Nathesan (2015), Portugis bertapak di India lebih awal berbanding di Nusantara dan kata *maggai* diserap masuk ke dalam bahasa Portugis disebut sebagai *manga* dan bahasa Melayu menjadi mangga.

Sebenarnya, kata mangga yang digunakan dalam bahasa Melayu berasal daripada bentuk *kāmāṅga* atau dalam bentuk tulisan Sanskritnya कामाङ्ग. Singam (1957, p. 58) mencatatkan kata mangga dipinjam daripada bentuk *kāmāṅga*. Maklumat asal usul perkataan ini bertepatan dengan maklumat yang tercatat dalam AMED (1901, p. 651), iaitu kata mangga dipinjam daripada bahasa Sanskrit. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kata mangga yang wujud dalam bahasa Sanskrit telah merentasi dua bahasa, iaitu bahasa Tamil dan Portugis yang seterusnya bergerak masuk ke dalam bahasa Melayu. Penggunaan kata mempelam dan mangga dalam bahasa Melayu telah dijejak penggunaannya dalam *Hikayat Aceh (Aceh)* pada sekitar abad ke-17, manakala kata mangga dapat dijejak kewujudan dan penggunaannya dalam *Hikayat Perintah Negeri Benggala (PNB)* sekitar 1811 Masihi menerusi *Malay Concordance Project*. Berikut merupakan bentuk kata mempelam dan mangga dalam *Aceh* dan *PNB*. Jadual 11 dan 12 menunjukkan perbincangan tersebut, iaitu:

Jadual 11: Kewujudan dan Penggunaan Kata Mempelam dalam *Aceh*

Aceh 153:5 lagi jika ia gemar makan manggusta jika ia memegang **mempelam**,* maka dilontarkannya *mempelam* itu kepada orang yang memegang .

Jadual 12: Kewujudan dan Penggunaan Kata Mangga dalam *PNB*

PNB 44:8. dusun itu, seperti mempelam beberapa puluh jenis dan **mangga** beberapa jenis dan bidara beberapa jenis dan delima beberapa ...

Menerusi analisis data juga menunjukkan bahawa bahasa Melayu meminjam bentuk yang berbeza bagi merujuk kepada rujukan yang sama, iaitu kata mempelam, *amra* dan mangga. Kewujudan bentuk yang bersinonim ini mungkin disebabkan penyebaran sesebuah perkataan oleh penutur Sanskrit yang berbeza, kemasukan dari arah yang berbeza atau tempoh masa yang berbeza. Berdasarkan perbincangan bagi kedua-dua perkataan ini, etimologi awal bagi kata mempelam dan mangga dalam bahasa Melayu dapat diperlihatkan seperti dalam Jadual 13 dan Jadual 14, iaitu:

Jadual 13: Etimologi Awal Kata Mempelam dalam Bahasa Melayu

mempelam bermaksud “nama sejenis pokok atau buahnya; mangga; *Mangifera indica*” (bahasa Melayu) ← *empelam* (1901) dan *mempelam* dalam *Aceh* sekitar abad ke-17 ← *māmpalam* merujuk kepada ‘mempelam’.

Jadual 14: Etimologi Awal Kata Mangga dalam Bahasa Melayu

-
- i. mangga (bahasa Melayu) merujuk kepada “sejenis tumbuhan (pokok dan buahnya) mempelam” (kewujudan dan penggunaan kata *mangga* dalam *PNB* sekitar abad ke-19) ← *kāmāṅga* (bahasa Sanskrit) bermaksud ‘sejenis mangga, pokok manga’.
- atau**
- ii. mangga (bahasa Melayu) merujuk kepada “sejenis tumbuhan (pokok dan buahnya) mempelam” (kewujudan dan penggunaan kata *mangga* dalam *PNB* sekitar abad ke-19) ← *manga* (bahasa Portugis) ← *māṅgāy* / *māṅgai* (bahasa Tamil) ← *kāmāṅga* bermaksud ‘sejenis mangga, pokok mangga’.
-

Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa berlakunya perubahan bentuk kata setelah kemasukan perkataan Sanskrit ke dalam bahasa Melayu. Contohnya, kata *catura* atau *caturaṅga* (bahasa Sanskrit) berubah kepada bentuk *catur* (bahasa Melayu). Perubahan makna yang berlaku dapat dilihat pada makna kata madu yang hanya merujuk kepada madu, manisan, dan kesenangan telah mengalami penyempitan makna setelah diserap masuk ke dalam bahasa Melayu, iaitu hanya merujuk kepada makanan. Namun, kata madu telah menerbitkan makna kiasan lain, iaitu merujuk kepada wanita lain yang menjadi isteri kepada suami sendiri. Selain itu, analisis ini mendapati bahawa kata *sasa* merupakan kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit. Maklumat asal usul kata *sasa* tidak dinyatakan dalam KDP (2020), namun perihal peminjaman perkataan ini dapat dilihat melalui catatan AMED (1901) dan Singam (1957), dan seterusnya dibuktikan menerusi bahasa asal dengan melihat kepada bentuk dan makna perkataan.

Secara keseluruhannya, kajian etimologi perlu dilakukan kepentingannya dalam bidang perkamusan. Collins (2003, p. 26) menyatakan bahawa kajian etimologi turut menyumbang kepada bidang perkamusan, penciptaan istilah dan penyelarasan ejaan. Oleh itu, kajian ini juga mencadangkan untuk kajian lanjutan yang meneliti aspek kewujudan dan penggunaan sesebuah perkataan pinjaman dalam bahasa Melayu dengan lebih mendalam, iaitu dengan merujuk manuskrip-manuskrip lain selain yang digunakan dalam kajian ini. Kajian berkaitan etimologi perlu diperbanyakkan dengan meneliti perkataan pinjaman daripada bahasa Cina, Parsi, Arab, Portugis dan sebagainya dengan mengaplikasikan pedoman etimologi yang digagaskan oleh Collins (2003).

Rujukan

- Aitchison, J. (1991). *Language change: Progress or decay?* United Kingdom: Cambridge.
- Bynon, T. (1977). *Historical linguistics*. Cambridge: Oxford University Press.
- Campbell, L. (2004). *Historical linguistics: An introduction*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Clackson, J. (2007). *Indo-European linguistics: An introduction* (Cambridge Textbooks in Linguistics). Cambridge University Press.
- Collins, J. T. (2003). *Mukadimah ilmu etimologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Deshpande, M. M. (2007). *SAMSKRTASUBODHINĪ. A Sanskrit primer*. Centres for South and Southeast Asian Studies. University of Michigan.
- Durkin, P. (2009). *The Oxford guide to etymology*. New York: Oxford University Press.
- Durkin, P. (2014). *Borrowed words a history of loanwords in English*. Oxford University Press.
- Fabricius's, J. P. (1972) *Tamil and English dictionary*. Tranquebar: Evangelical Lutheran Mission Pub. House.

- Gobet, F. (2019). *The psychology of chess*. New York: Taylor & Francis Group.
- Gonda, J. (1973). *Sanskrit in Indonesia*. New Delhi: International Academy of Indian Culture.
- Hartmann, R. R. & Greogery, J. (1988). *Dictionary of lexicography*. London: Routledge.
- Hashim Musa. (1999). *Sejarah sistem tulisan dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. (1992). *Sejarah pertumbuhan Bahasa Kebangsaan kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia*. (2016). Badan pengembangan dan pembinaan bahasa. Retrieved from <https://kbbi.kemdikbud.go.id/>.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Perdana*. (2020). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim, M. A. (2021). Pelestarian bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda di Singapura. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(2), 39-56.
- Katzner, K. (2002). *The language of the world*. New York: Taylor & Francis Group.
- Klaus, G. L. (2021). *Sanskrit dictionary for spoken Sanskrit*. Retrieved from <https://www.learnsanskrit.cc/>.
- Kuizon, G. J. (1964). The Sanskrit loan-words in the Cebuano-Bisayan language. *Asian Folklore Studies*, 23(1), 111-158.
- Lass, R (1997). *Historical linguistics and language change*. (Cambridge Studies in Linguistics 81). Cambridge University Press.
- Lieberman, A. (2009). *Word Origin and how we know them: Etymology for everyone*. New York: Oxford University Press.
- Mohd Nor Azan Abdullah & Mohd Yusof Abdullah. (2017). Keluarga Bahasa Indo-Malaysia dan pengaruh bahasa Sanskrit dalam memperkayakan perbendaharaan kosa kata Bahasa Melayu. *Jurnal Kesidang*, 3, 23-32.
- Nasha Rodziadi Khaw & Nazarudin Zainun. (2017). *Hubungan India dan Kedah Tua. Prosiding Persidangan Nasional Sejarah dan Sejarahwan Malaysia: Memperkasa Sejarah Nasional dalam Melestarikan Pembangunan Negara*, (pp.276-284), Universiti Sains Malaysia.
- Nathesan, S. (2015). *Etimologi bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norai, A. (2013). *An Etymological Dictionary of Persian, English and Other Indo-European Languages Etymological Charts (Vol. 2)*. Engelska: Xlibris.

- Noresah Baharom. (2009). *Kamus dan perkamusan Melayu* (Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed & Selvarani Subramaniam. (2015). *Kata pinjaman bahasa Tamil dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Notosudirjo. (1981). *Etimologi pengetahuan bahasa Indonesia*. Indonesia: Mutiara Jakarta.
- Nur Fathiha Asyikin Baharin, Rohani Mohd Yusof & Noor Hasnoor Mohamad Nor. (2021). Perubahan fonologi dalam bahasa Duano dan bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(2), 112-133.
- Singam, D. R. (1957). *What the Malay language owes to Sanskrit*. Kuantan.
- Stockwell, R & Minkova, D. (2001). *English words: History and structure*. Cambridge University Press.
- Thamaraselvi Krishnasamy & Sharifah Raihan (2018). Fonologi kata pinjaman Tamil dalam bahasa Melayu berdasarkan Teori Optimaliti. *Jurnal Bahasa*, 18(2), 343-362.
- Wilkinson, R. J. (1901). *A Malay-English dictionary*. Singapore: Kelly and Walsh.
- Wilkinson, R. J. (1902). *A Malay-English dictionary*. Singapore: Kelly and Walsh.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Mohd Shabri Yusof. (2011). Pemeraksanaan jati diri bahasa Melayu: Isu penyerapan kata asing. *Jurnal Melayu*, 6 (1), 13-27.